

Harapan kita Dr Mahathir dan Anwar pilih yang terbaik

Malaysiakini

11 Jun 2020

A Kadir Jasin

ULASAN | Pada 2 Disember tahun lalu, saya menulis dan menyiarkan dalam Blog ini sebuah rencana bahasa Inggeris bertajuk “Succession Issue: Best Left to PM and Anwar”.

Dalam bahasa Melayu lebih kurang “Isu Peralihan Kuasa: Elok Diserahkan kepada PM dan Anwar”.

Malangnya tidak sampai tiga bulan selepas itu, kerajaan Pakatan Harapan (PH) dijatuhkan dalam rampasan kuasa oleh feksyen Muhyiddin Yassin dari Bersatu dan feksyen Mohamed Azmin Ali dari PKR.

Antara sebab saya menulis rencana itu adalah kerana timbulnya gesaan oleh sekumpulan penyokong Anwar yang menggelar diri mereka “Otai Reformasi” yang mahu Dr Mahathir Mohamad segera menyerahkan jawatan perdana menteri kepada Anwar Ibrahim.

Sama ada secara kebetulan atau dirancang, salah satu alasan yang digunakan oleh Muhyiddin dan penyokongnya dalam Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu untuk keluar PH adalah tekanan oleh penyokong Anwar supaya Dr Mahathir bersara.

Dua alasan lain adalah mereka tidak mahu Anwar naik menjadi perdana menteri dan kerjasama dengan DAP menyebabkan Melayu tidak sokong Bersatu.

Rampasan kuasa Muhyiddin-Azmin dengan sokongan oportunistik dan predatori Muafakat Nasional (Umno dan PAS) itu bukan sahaja mengkhianati mandat rakyat jelata malah mula mengembalikan negara ke zaman gelap kleptokrasi, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Dalam situasi itu, keperluan untuk PH berkumpul semula dan bangkit sekali lagi menyelamatkan negara menjadi amat mendesak.

Dan sekali lagi isu kepimpinan menjadi faktor penentu sama ada PH berpeluang mengambil kembali hak rakyat jelata yang dilarikan atau kerosakan negara akan menjadi semakin teruk.

Saya difahamkan yang Majlis Presiden PH bersama Bersatu Dr Mahathir dan Warisan (Sabah) telah mencadangkan jalan penyelesaian kepada isu kepimpinan

dan “timeline” di antara Dr Mahathir dengan Anwar.

Kenyataan PH selepas pertemuan dengan Dr Mahathir dan Ketua Menteri Sabah, Shafie Apdal, pada 9 Jun mengatakan hasil pertemuan itu akan dimuktamadkan minggu ini.

Manakala menghormati dan menyanjung usaha gigih ahli Majlis Presiden PH dan wakil-wakil Bersatu serta Warisan, saya tetap dengan pendirian bahawa yang akhirnya akan menentukan usaha ini berjaya atau gagal adalah Dr Mahathir dan Anwar.

Untuk memahami keunikan perhubungan Mahathir-Anwar ini, izinkan saya menterjemah dan menyiarkan semula rencana 2 Disember itu. Ia mungkin panjang tetapi tidak ada cara singkat untuk memahami perhubungan yang terjalin begitu lama - 38 tahun.

Berikut terjemahannya:

“Bagi seorang berusia 72 tahun yang mempunyai jadual yang sibuk dan, mungkin juga mencabar, sepanjang hari, Datuk Seri Anwar Ibrahim penuh bertenaga apabila muncul sebentar di majlis ulang tahun ke-20 Malaysiakini di Bangsar pada 23 November (2019).

"Ini tidak menghairankan kerana dia adalah maestro dalam hal perhubungan awam dan dikenali oleh kawan dan lawan dengan nama-nama seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim, AI, Brother Anwar, Saudara Anwar dan Pak Sheikh.

"Apabila saya mengucapkan selamat petang kepadanya, reaksi spontan beliau adalah mengulas tentang betapa serupanya baju yang kami pakai.

"Anwar adalah seorang yang sangat mengutamakan apa yang beliau pakai serta pakar dalam hal melega dan mententeramkan penentang tetapi tidak sehebat Dr Mahathir dalam menangani musuh.

"Saya rasa itulah juga sebab mengapa dua insan itu secara suka atau tidak mengakui kekuatan dan kelemahan masing-masing.

"Saya sekali gus bernasib baik dan tidak bernasib baik mengenali mereka secara agak rapat untuk satu jangka masa yang agak lama - Dr Mahathir sejak 1964 dan Anwar sejak 1982 - dan ada harga yang terpaksa saya bayar.

"Seperti telah saya sebutkan beberapa kali, kali pertama saya menemui Dr Mahathir adalah apabila beliau datang ke kampung saya di Kedah pada tahun 1964 untuk bertanding dalam pilihan raya umum tahun itu. Almarhum ayah saya adalah pemimpin Umno bahagian.

"Saya bersemuka dengan Anwar pada awal tahun 1982 apabila Dr Mahathir memperkenalkan beliau sebagai ahli terbaru Umno di Pejabat Perdana Menteri lama di Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur.

"Pada masa itu, Dr Mahathir baru memasuki tahun pertama sebagai Perdana Menteri dan akan mengadakan pilihan raya umum yang pertama sebagai Perdana Menteri. Anwar pula baru saja meletakkan jawatan Presiden Pergerakan Belia Islam Malaysia (ABIM). Waktu itu saya Pengarang Bersekutu akhbar Business Times.

"Sebagai wartawan di Bernama dan kemudian di New Straits Times Press (NSTP), saya tidak mempunyai pandangan yang positif terhadap Anwar. Apabila saya menyertai Bernama pada tahun 1969 sebagai pemberita kadet, Anwar sedang memberontak dan menghasut di Universiti Malaya.

"Adalah biasa bagi kami di media arus perdana menggambarkan beliau sebagai "musuh negara" kerana kegiatan politiknya. Pada tahun 1974, kerajaan Almarhum Tun Abdul Razak Hussein menahannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atas penglibatannya dalam tunjuk perasaan pekebun kecil getah di Baling. Beliau ditahan selama 22 bulan.

"Di sidang akhbar berikutnya, saya meminta beliau membuktikan keahliannya

dalam Umno dengan menyatakan nombor keahlian. Setiap ahli Umno ada nombor keahlian.

"Sebelum dia sempat menjawab, Dr Mahathir mencelah dengan berkata lebih kurang "seperti anda (merujuk kepada saya), dalam Umno jika ibu bapa ahli (Umno), anak-anak pun dianggap ahli juga."

"Almarhum bapa Anwar, Datuk Ibrahim Abdul Rahman adalah pemimpin kanan Umno Pulau Pinang yang pernah memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan.

Cabaran 16 Tahun

"Di bawah didikan dan perlindungan Dr Mahathir, Anwar naik dengan pantas untuk menjadi Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1993 dan bakal pengganti Dr Mahathir. Saya sering menyebut beliau sebagai Putera Mahkota Umno.

"Secara peribadi, ia adalah tempoh 16 tahun yang mencabar (1982-1998) kerana tidak sepanjang masa saya setuju dengan tindak-tanduk Anwar, khususnya bersabit dengan cara beliau membina empayar politik dan korporat.

"Namun, apabila beliau dipecat daripada kerajaan dan Umno pada tahun 1998, saya berpendapat harus ada had dan batasan memburuk-burukkan beliau, khususnya dalam media massa bersabit kes salah guna kuasa dan liwat. Kesalahan liwat beliau dibatalkan pada tahun 2004.

"Saya berpendapat beliau sudah cukup menderita. Lagipun Anwar pandai memperalatkan publisiti. Pendapat saya masa itu adalah lagi beliau dikutuk, lagi banyak beliau mendapat simpati dan sokongan.

"Rasanya ada lah sikit kebenaran dalam analisis saya itu. Walaupun Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan kelebihan dua pertiga dalam PRU 1999 namun pembangkang menang lebih banyak kerusi dan Reformasi bertapak.

"Sebenarnya itulah antara punca utama saya meletak jawatan Ketua Pengarang Kumpulan NSTP pada tahun berikutnya (2000). Saya tidak bersedia mengambil sebarang tindakan ke atas mereka yang dituduh penyokong Anwar di NSTP/TV3.

Kelahiran PH

"Dipantaskan ke hadapan ke zaman kleptokrasi Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak, hampir 20 tahun selepas pemecatan Anwar daripada kerajaan dan Umno, saya menyebut kepada Dr Mahathir bahawa konsensus pembangkang mengenai

PRU ke-14 tidak akan muktamad selagi beliau dan Anwar tidak bersemuka.

"Saya kata, dalam tempoh 16 tahun beliau dan Anwar berpasukan, boleh dikatakan semua perkara utama diputuskan dan dilakukan secara langsung oleh mereka berdua. Setidak-tidaknya pun itulah persepsi saya dalam berurusan dengan mereka dalam tempoh 16 tahun itu.

"Maka atas dasar yang sama, saya berpendapat adalah lebih baik isu pemindahan kuasa diserahkan kepada mereka berdua. Campur tangan luar akan hanya mengganggu gugat proses yang telah dipersetujui.

"Dan sekiranya Anwar telah mempelajari sesuatu daripada masa lampau, saya percaya beliau akan mengawal penyokong-penyokongnya yang tidak sabar.

"Setelah mengatasi keraguan dan kesukaran logistik, Dr Mahathir dan Anwar berjumpa dalam bilik Kompleks Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Februari 2017 di mana Anwar sedang menghadiri perbicaraan kes saman malu beliau terhadap Utusan Malaysia dan TV3.

"Sebenarnya sebelum itu mereka telah berjumpa apabila Dr Mahathir hadir di Mahkamah Tinggi yang sama bagi memberi sokongan moral kepada Anwar dalam cabarannya terhadap Akta Majlis Keselamatan Negara.

"Pertemuan 10 Februari 2017 itu berkesudahan dengan persetujuan bahawa Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) akan menyertai Pakatan Harapan (PH). Ini diikuti oleh pertemuan-pertemuan lain yang berkesudahan dengan Dr Mahathir dilantik Pengerusi PH.

"Di Konvensyen PH pada 7 Januari 2018 di Shah Alam, Dr Mahathir diumumkan sebagai calon Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri dan permohonan pengampunan diraja untuk Anwar sebaik saja PH membentuk kerajaan.

"Semua yang disebutkan itu telah dipenuhi kecuali pemindahan kuasa kepada Anwar yang tarikhnya tidak dinyatakan dalam Deklarasi 7 Januari itu.

"Hal ini disahkan (sekali lagi) pada 13 Julai 2019 oleh Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Saifuddin Nasution Ismail yang berupa penyokong kuat Anwar tetapi bekerja rapat dengan Dr Mahathir ketika saat genting pembentukan konsensus PH.

"Dengan Dr Mahathir memutuskan untuk merombak Kabinet berikutan kekalahan yang mengejutkan dalam PRK Tanjong Piai pada November 16 (2019) adalah sesuai difikirkan (semula) peranan Anwar.

"Rombakan Kabinet amat diperlukan bukan sahaja kerana penafaran (rating) PH telah merosot dengan teruk tetapi juga kerana beberapa orang menteri jelas tidak berprestasi.

"Perdana Menteri boleh membawa Anwar masuk sebagai Menteri Tugas-tugas Khas walaupun Anwar, secara berjenaka, berkata beliau tidak memohon jawatan dengan Kabinet.

"Ini adalah respons Anwar kepada kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau tidak pasti sama ada Anwar akan menyertai Kabinet atau tidak.

"Adalah lebih bermanfaat kita kurangkan berpolitik dan menumpukan perhatian kepada menguruskan negara."

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/529753>